

Ghazal kecam negara2 maju yang tamak

SINGAPURA, Khamis — Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie hari ini mengingatkan, sifat tamak dan bongkak setengah-setengah negara maju mungkin akan mengakibatkan kehancuran sistem ekonomi bebas.

Menurutnya, keyakinan masyarakat antarabangsa terhadap keberkesanan ekonomi bebas semakin berkurangan akibat tindakan setengah-setengah negara maju dalam mengamalkan dasar perlindungan dagangan untuk menjaga kepentingan mereka sendiri.

Dalam hubungan ini, beliau mengulangi seruan agar diadakan penyemakan semula sistem berkenaan oleh sekumpulan pakar ekonomi dunia, termasuk negara rantau ini.

Katanya, saranan serta perakuan oleh pakar-pakar tersebut boleh dijadikan panduan oleh para pemimpin politik dunia dalam usaha mewujudkan sistem ekonomi bebas dalam ertikata sebenarnya.

Berucap di upacara pembukaan dialog antara Menteri-menteri Luar ASEAN dengan rakan sejawat mereka dari nega-

ra rakan pekongsi ketiga, termasuk Amerika Syarikat dan Jepun di sini, beliau menegaskan:

"Adalah merupakan satu tragedi jika kemusnahan sistem ekonomi bebas berpunca dari sifat tamak dan bongkak negara-negara yang mendukung konsep sistem ini dan bukannya akibat persaingan dari satu sistem lain yang lebih sempurna."

Penyelesaian

Ketika berucap dalam dialog ASEAN-Australia pula, Tan Sri Ghazali berkata, semua pihak termasuk negara-negara ASEAN dan Australia mempunyai peranan penting dalam memastikan keutuhan sistem berkenaan.

"ASEAN dan Australia memberi perakuan terhadap konsep sistem ekonomi bebas dan oleh itu, kita mesti menjalankan usaha bersama ke arah menjamin keutuhannya.

"Pada masa yang sama, kita juga harus menggesa negara-negara maju di dunia supaya menyedari hakikat bahawa masyarakat antarabangsa kini menghadapi masalah dalam menjamin keutuhan sistem ini," jelasnya.